

## KESAN APLIKASI TIKTOK TERHADAP KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Siti Humaira' binti Ismail

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +013-9639673 E-mail: [humaira0228@gmail.com](mailto:humaira0228@gmail.com)

A'faf Nabilah binti Mohammad Saleh

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +019-5916877 E-mail: [afafnabilahsaleh@gmail.com](mailto:afafnabilahsaleh@gmail.com)

### ABSTRAK

TikTok adalah aplikasi media sosial yang sedang melanda dunia dengan kilauannya yang menarik dan populariti yang pesat. Populariti TikTok telah memuncak ketika generasi muda, terutamanya remaja dan golongan dewasa, mula memanfaatkannya sebagai platform untuk kreativiti, ekspresi diri, dan interaksi sosial. Namun, aplikasi TikTok ini juga menyebabkan ketagihan yang berlebihan dan memberi kesan negatif terhadap mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap kalangan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia khususnya dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan melibatkan 30 orang pelajar FPQS sebagai sampel. Instrumen kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi 20 item. Analisis skor min dan sisihan piawai digunakan bagi meninjau kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap pelajar FPQS. Ujian khi kuasa dua digunakan untuk melihat perbezaan kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap mahasiswa berdasarkan tempoh penggunaan harian mereka dan berapa lama mereka menggunakan aplikasi TikTok mengikut tahun. Kaedah pemerhatian akan digunakan untuk melihat perbezaan kesan penggunaan aplikasi TikTok berdasarkan tempoh penggunaan harian dan berapa tahun penggunaan mereka dalam aplikasi tiktok. Terdapat pelbagai kesan terhadap gaya hidup pelajar Universiti Sains Islam Malaysia khususnya pelajar FPQS sama ada dari segi positif atau negatif. Antara impak positif seperti pengembangan bakat dan akses mudah untuk pembelajaran. Namun jika lalai dalam menggunakan aplikasi ini ia akan berlakunya pembaziran masa dan stres. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap pelajar FPQS. Oleh itu, aplikasi TikTok perlu digunakan dengan sebaiknya iaitu dengan mengelakkan daripada menyalahgunakannya ke arah perkara yang tidak berfaedah.

**Kata kunci:** kesan, Tiktok, Pelajar

### 1. Pengenalan

Pada zaman moden ini, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah berkembang dengan ketara. Seiring dengan masa, ICT telah menguasai dunia ini secara umum di mana hampir setiap saat, manusia menggunakan teknologi. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi membolehkan kita untuk menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jari sahaja (A. Razak Ahmad, 2011). Kecanggihan teknologi kontemporari menjadikan aktiviti kehidupan seharian lebih mudah dan berkesan. Farhad Nejadirani et al. (2011) melaporkan bahawa Teknologi maklumat membolehkan pelaksanaan kerja dilakukan lebih cepat, mudah dan berkesan. Di samping itu, media sosial merupakan salah satu rangkaian platform Internet yang paling popular dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Menurut Yusof dan Tahir (2017), penggunaan media teknologi adalah penting pada zaman moden ini kerana ia membantu pendidikan negara dan membentuk modal insan yang berilmu. Media sosial adalah pilihan popular bagi pelbagai peringkat usia bagi mendapatkan maklumat, hiburan dan berkongsi luahan kehidupan seharian. Oleh itu, aplikasi TikTok, yang dilancarkan pada September 2016, muncul sebagai salah satu aplikasi media sosial yang paling popular (Montag et al., 2021). TikTok yang dibangunkan oleh pengembang Toutiao dari China, adalah aplikasi jejaring sosial dan video muzik. Pengguna TikTok boleh membuat video muzik ringkas melalui aplikasi ini. Aplikasi ini dikeluarkan pada September 2016 dan boleh digunakan pada platform Android dan iOS (Miftachul Taubah dan Muhammad Nur Hadi, 2020). Aplikasi TikTok ini berbentuk video pendek dengan pelbagai iringan muzik, di mana mendorong pengguna untuk menjadi salah seorang pembuat

kandungan kreatif dengan menawarkan pelbagai gaya dan model yang menarik. TikTok yang merupakan aplikasi hiburan, mempunyai beberapa kelebihan iaitu mewujudkan cara pembuatan video menjadi lebih mudah dan pengguna boleh memilih pelbagai efek dan filter yang mereka suka (Miftachul Taubah dan Muhammad Nur Hadi, 2020). Hukum menggunakan aplikasi media sosial seperti TikTok untuk kepentingan diri sendiri dan mengambil keuntungan daripada kandungan video yang dihasilkan adalah harus. Ini selaras dengan kajian (Irsyad Fatwa, 2020), yang menyatakan bahawa "pada dasarnya sebarang aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp, Instagram mahupun TikTok yang digunakan untuk perkara yang manfaat adalah dibenarkan.". Tambahan pula, media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia dalam melakukan aktiviti kehidupan seharian. TikTok juga boleh menjadi sumber pendapatan masyarakat kini. Bidang pendidikan merupakan salah satu bidang yang boleh digunakan sebagai alat untuk belajar dan mengajar. Satu kajian yang dijalankan oleh Vicky Rian Saputra, Chantiq Hast Dhuatu, dan Giyato M.Pd. (2020) melihat bahawa TikTok mempunyai kelebihan dalam meningkatkan "mood" penggunanya dengan pelbagai pilihan muzik dan sebagainya. Hal ini membolehkan pengguna TikTok mempunyai banyak cara untuk membuat video kreatif mengikut kreativiti masing-masing. Dengan demikian, kajian ini dijalankan ke atas mahasiswa Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk meninjau kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap gaya hidup mahasiswa pada masa kini. Kajian ini juga mengkaji sejauh mana aplikasi TikTok memberi kesan kepada kehidupan seharian pelajar.

## 2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap kalangan pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia khususnya dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Selain itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui tahap penggunaan TikTok dalam kalangan pelajar FPQS dengan mengukur sejauh mana pelajar menggunakan aplikasi ini berdasarkan kekerapan, masa yang dihabiskan, dan jenis kandungan yang ditonton atau cipta. Seterusnya, penilaian terhadap kesan penggunaan TikTok terhadap prestasi akademik pelajar termasuk masa yang dihabiskan untuk mengulangkaji dengan bantuan aplikasi TikTok juga dititikberatkan dalam kajian ini. Akhir sekali, kajian ini juga dijalankan bagi melihat kesan psikologi yang disebabkan oleh penggunaan TikTok terhadap pelajar seperti pengawalan emosi harian dan kesan terhadap keyakinan diri mahasiswa FPQS.

## 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengetahui kesan aplikasi TikTok terhadap kalangan pelajar FPQS di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian kuantitatif berasaskan falsafah positivisme yang digunakan untuk mengkaji populasi atau sampel tertentu yang biasanya dilakukan secara rawak. Instrumen kajian digunakan untuk mengumpul data dan untuk menguji hipotesis, data dianalisis secara kuantitatif atau statistik (Sugiyono, 2013:14). Oleh kerana pelajar adalah majoriti pengguna aplikasi TikTok di Malaysia, kajian ini memberi tumpuan kepada mereka. Dalam tempoh pandemik COVID-19, tingkah laku dan tabiat orang ramai telah berubah, dan platform dalam talian menjadi semakin popular untuk pelbagai asbab (Aslamiah et al., 2020, al., 2023). TikTok telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian pelajar Malaysia kerana ia memberi mereka platform untuk berekspresi secara kreatif dan berhubung dengan orang lain. Kehidupan pelajar Malaysia telah dipengaruhi oleh populariti TikTok (Bian, 2021). Pelajar juga harus dipantau untuk mengelakkan isu yang tidak diinginkan berlaku dan meruntuhkan akhlak mereka.


Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik di platform Google Form. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A terdiri daripada maklumat latar belakang responden, Bahagian B terdiri daripada maklumat skala penggunaan media sosial TikTok manakala Bahagian C terdiri daripada skala penampilan diri. Google Form telah diedarkan melalui aplikasi media sosial seperti Whatsapp dan Telegram. Kesimpulan dibuat selepas data statistik ini dikaji menggunakan analisis statistik. Oleh itu, kajian ini memilih kaedah soal selidik sebagai satu kaedah pengumpulan sampel data. Pengagihan soal selidik ini telah dijalankan selama kira-kira sebulan, bermula pada akhir April 2024 dan berakhir pada akhir May 2024. Sampel kajian terdiri daripada 31 pelajar USIM, dengan 17 perempuan dan 14 lelaki. Responden terdiri daripada pelajar dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

#### 4. Dapatan Kajian

Demografi responden dalam kajian ini telah dibentuk dari segi jantina, kursus pengajian dan tahun pengajian semasa. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden dimana seramai 31 responden telah berjaya menjawab soalan-soalan kajian ini. Dalam kajian ini, bilangan responden perempuan seramai 17 orang (54.8%) dan responden lelaki seramai 14 (45.2%). Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai menjawab soalan kajian ini berbanding pelajar lelaki. Pada peringkat kursus pengajian responden,

Jantina


31 responses



Jadual 1: Maklumat Demografi bagi Jantina Responden

Jadual 2 menunjukkan bahawa responden yang ramai berada pada kursus Pengajian Quran dan Sunnah serta Pengajian Quran dengan Multimedia iaitu seramai 11 orang (35.5%) dan diikuti dengan Pengajian Sunnah Pengurusan Maklumat seramai tujuh orang (22.6%) dan akhir sekali seramai dua orang (6.5%) dari kursus Pengajian Qiraat.


Kursus Pengajian  
31 responses



Jadual 2: Maklumat Demografi bagi Kursus Pengajian Responden

Berdasarkan jadual 3 juga dapat diketahui bahawa majoriti responden pelajar yang berada pada tahun tiga bagi tahun pengajian semasa. Tahun tiga iaitu seramai 23 orang (77.4%), kemudian diikuti oleh tahun dua seramai empat orang (12.9%), seterusnya adalah pelajar tahun satu seramai 2 orang (6.5%) dan bagi tahun empat iaitu satu orang (3.2%).

Tahun Pengajian Semasa  
31 responses



Jadual 3: Maklumat Demografi bagi Tahun Pengajian Semasa Responden

Jadual 4 menunjukkan responden yang menggunakan aplikasi TikTok berdasarkan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam sehari. Hasil analisis ujian Khi-Dua menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras keertian 5 peratus antara status penggunaan aplikasi TikTok dengan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam sehari. Dapatan menunjukkan responden yang paling ramai tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam sehari adalah 2 jam ke atas iaitu seramai 21 orang daripada 31 orang yang menggunakan aplikasi TikTok atau 72.3%. Manakala hanya terdapat 2 orang responden sahaja yang tidak menggunakan aplikasi TikTok. Menurut garis panduan komuniti di laman sesawang rasmi TikTok (2022), penghasilan aplikasi ini untuk membolehkan pengguna untuk menghasilkan dan berkongsi video mereka serta menerokai dunia di sekeliling

mereka dan berhubung dengan orang lain di seluruh dunia. Oleh itu, pengguna banyak menghabiskan masa lapang dengan mengadakan kandungan video yang menarik di samping mengasah bakat tersendiri dengan menghasilkan video yang berkualiti dan mendapat sambutan daripada pengguna yang lain. Ini diikuti dengan 20.7% responden yang menggunakan TikTok selama 1 jam ke bawah dan 6.9% responden yang menggunakan TikTok selama 5 jam ke atas.

Adakah anda mempunyai aplikasi TikTok?	Ya		Tidak		Jumlah (n)
	Kekerapan (n)	Peratus (%)	Kekerapan (n)	Peratus (%)	
Berapakah tempoh masa penggunaan TikTok dalam sehari					
1 jam ke bawah	6	20.7	2	6.9	8
2 jam hingga 4 jam	21	72.4	0	0	21
5 jam ke atas	2	6.9	0	0	2

Jadual 4: Responden yang menggunakan aplikasi TikTok berdasarkan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam sehari.

Jadual 5 menunjukkan responden yang menggunakan aplikasi TikTok berdasarkan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam tahunan. Hasil analisis ujian Khi-Kuasa Dua menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras 5 peratus antara status penggunaan aplikasi TikTok dengan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam tahunan.

Adakah anda mempunyai aplikasi TikTok?	Ya		Tidak		Jumlah (n)
	Kekerapan (n)	Peratus (%)	Kekerapan (n)	Peratus (%)	
Berapa lamakan anda telah menggunakan aplikasi TikTok?					
1 tahun ke bawah	5	17.2	2	6.9	7
2 hingga 3 tahun	15	51.7	0	0	15
4 tahun ke atas	9	31	0	0	9

Jadual 5: Responden yang menggunakan aplikasi TikTok berdasarkan tempoh masa penggunaan aplikasi TikTok dalam tahunan

Dapatan menunjukkan responden yang paling ramai tempoh penggunaan aplikasi TikTok adalah 2 hingga 3 tahun iaitu seramai 15 orang daripada 31 orang yang menggunakan aplikasi TikTok atau 51.7%. Hal ini dikatakan demikian kerana aplikasi TikTok adalah salah satu aplikasi media sosial yang paling popular dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Di samping itu, sejak pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, proses PdP telah berubah dan menyebabkan para pendidik kelihatan lebih kreatif untuk menggunakan aplikasi TikTok sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (Zaki et al., 2021). Dengan adanya aplikasi TikTok ini, lebih mudah untuk mempelajari dan memahami subjek yang agak rumit dengan bantuan perkongsian yang ada pada aplikasi TikTok. Bak kata bidalan Melayu “didiklah anakmu mengikut zamannya”. Ini diikuti dengan 31% responden yang menggunakan TikTok selama 4 tahun ke atas dan 17.2% responden yang menggunakan TikTok selama 1 tahun ke bawah.

Hasil dapatan berdasarkan Jadual 5 mendapati bahawa mahasiswa FPQS di USIM tidak berasa terhibur apabila menonton kandungan video TikTok dan tidak menonton video TikTok untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan kerana ia merupakan pilihan yang terendah dalam kalangan mahasiswa iaitu 0% berbanding rasa terhibur ketika menonton kandungan video TikTok iaitu sebanyak 46.7%. Hal ini dipengaruhi kerana kandungan TikTok yang kebanyakan memaparkan kandungan-kandungan berunsur menarik yang mampu menghilangkan rasa kebosanan terhadap individu. Mengikut kajian oleh Utami et al. (2021) menyimpulkan bahawa aplikasi TikTok dapat menjadi medium hiburan kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan mahasiswa ketika fenomena Covid-19 berlaku. Selain itu, faktor aplikasi menyediakan pelbagai variasi efek di mana pengguna terutamanya golongan mahasiswa dapat menghindarkan diri daripada tekanan dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi pelajar yang mempunyai bakat, aplikasi TikTok dapat menjadi salah satu medium untuk menonjolkan bakat dalam diri bagi menghiburkan pengguna TikTok pada masa kini.

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Tahap
1.	Saya rasa terhibur apabila menonton kandungan video di TikTok	0 (0)	0 (0)	7 (23.3)	14 (46.7)	9 (30)	Tinggi
2.	Saya berasa tidak tertarik menonton kandungan video di TikTok	6 (20)	11 (36.7)	9 (30)	3 (10)	1 (3.3)	Rendah
3.	Saya menonton video TikTok untuk mendapatkan maklumat yang saya perlukan	0 (0)	2 (6.7)	4 (13.3)	12 (40)	12 (40)	Tinggi
4.	Saya mengikuti akaun pengguna TikTok lain untuk meluaskan jaringan sosial dengan lebih ramai lagi	3 (10)	5 (16.7)	9 (30)	7 (23.3)	6 (20)	Sederhana
							Tinggi
STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, KS=Kurang Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju							

Jadual 4: Skala penggunaan TikTok

Berdasarkan kepada Jadual 5, min tertinggi untuk penyertaan diri dalam aplikasi tiktok adalah dengan memberi tanda suka (like) pada kandungan video TikTok yang menarik sebanyak 26.7 ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti kandungan yang menarik perhatian penonton untuk dikongsi bersama. Mengikut kajian Yao (2021), kandungan video TikTok yang dilihat di 'for your page' adalah berdasarkan minat seseorang tersebut. Manakala, 6.7% membuat video dan memuat naik di TikTok bagi menonjol bakat adalah rendah disebabkan kebanyakan pengguna hanya menggunakan platfom TikTok ini sebagai hiburan bukannya sebagai penghibur.



No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Tahap
1.	Saya gemar memberi tanda suka (like) pada kandungan videon TikTok yang menarik bagi saya	3 (10)	6 (20)	5 (16.7)	8 (26.7)	8 (26.7)	Tinggi
2.	Saya hanya menonton video TikTok tanpa memberi menulis komen atau memberi tanda suka (like)	3 (10)	5 (16.7)	12 (40)	7 (23.3)	3 (10)	Rendah
3.	Saya suka kongsi video TikTok yang saya tonton kepada orang lain	2 (6.7)	2 (6.7)	8 (26.7)	9 (30)	9 (30)	Tinggi
4.	Saya membuat video dan memuat naik di TikTok bagi menonjol bakat saya	14 (46.7)	5 (16.7)	6 (20)	3 (10)	2 (6.7)	Rendah
5.	Saya tidak mencipta sebarang video untuk memuat naik di TikTok	4 (13.3)	8 (26.7)	5 (16.7)	9 (30)	4 (13.3)	Rendah
							Rendah
STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, KS=Kurang Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju							

Jadual 5: Skala bagi penyertaan diri dalam menggunakan aplikasi TikTok

Merujuk kepada Jadual 6, mengikut aspek penampilan diri berdasarkan penerimaan diri dalam aplikasi TikTok, suka memberi komen positif pada video pengguna TikTok yang lain memperoleh nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 3.33. Contoh yang boleh diambil adalah apabila muncul trend remaja sekolah yang menunjukkan penampilan terkini kebanyakan komen yang diperolehi adalah komen yang membina namun ia boleh mengundang kecaman ramai kerana video di luar sekolah sangat tidak bersesuaian dengan nama pelajar yang dibawa (Kefli, 2022). Manakala, memuat naik video TikTok mengikut kemahuan tanpa memikirkan reaksi pengguna yang lain memperoleh nilai min yang paling rendah iaitu 10.3% Komen-komen negatif kadangkala boleh menjadi isu yang besar atau provokatif kerana boleh mengundang perhatian ramai. Hal ini demikian kerana, luahan berunsur provokatif dan kenyataan melampau yang dimuat naik di media sosial boleh menyebabkan tekanan, kebimbangan, kegusaran, kemurungan dan ketidakpastian kepada pengguna lain (Wasilan, 2022).

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Tahap
1.	Saya memuat naik video di TikTok untuk tontonan semua pengguna di TikTok	8 (26.7)	8 (26.7)	6 (20)	5 (16.7)	3 (10)	Rendah
2.	Saya memuat naik video TikTok mengikut kemahuan tanpa memikirkan reaksi pengguna yang lain	12 (41.4)	6 (20.7)	6 (20.7)	2 (6.9)	3 (10.3)	Rendah
3.	Saya suka memberi komen positif pada video pengguna TikTok yang lain	3 (10)	3 (10)	6 (20)	10 (33.3)	8 (26.7)	Tinggi
4.	Saya mengajak pengguna TikTok yang lain ke arah kebaikan melalui video saya yang dimuat naik di TikTok	2 (6.7)	2 (6.7)	12 (40)	7 (23.3)	7 (23.3)	Sederhana
5.	Saya berbuat mengikut kemahuan saya dalam memuat naik kandungan video saya di TikTok tanpa mengutamakan akhlak	18 (60)	4 (13.3)	3 (10)	2 (6.7)	3 (10)	Rendah
							Rendah
STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, KS=Kurang Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju							

Jadual 6: Skala bagi penampilan diri berdasarkan penerimaan diri dalam aplikasi TikTok

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa impak penggunaan aplikasi TikTok terhadap gaya hidup mahasiswa Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM, lebih mendorong ke arah positif. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui hasil dapatan daripada penampilan diri berdasarkan teladan diri yang diberi dalam penggunaan aplikasi TikTok. Para pelajar berperilaku yang baik dan menitikberatkan adab pada diri semasa memberi komen pada kandungan video serta mengajak pengguna lain ke arah yang positif melalui kandungan video yang dimuat naik di TikTok. Oleh yang demikian, secara tidak langsung TikTok mampu mendorong pelajar FPQS di USIM untuk mengamalkan gaya hidup yang berakhlak dan berkualiti. Di samping itu, sebagai pengguna TikTok yang berhemah pelajar perlu sentiasa mengambil kira kelemahan aplikasi tersebut terlebih dahulu



sebelum menggunakannya bagi mengelakkan perkara yang tidak elok yang berpunca daripada penyalahgunaan terhadap aplikasi TikTok. Terdapat segelintir pelajar tidak dapat menggunakan medium ini dengan sebaiknya yang menyebabkan aplikasi TikTok ini tidak dapat diteruskan dengan lebih efisien. Justeru itu, diharapkan agar pengkaji mahupun penyelidik mampu untuk meneruskan kajian seumpama ini dengan lebih efektif agar negara kita dapat melahirkan mahasiswa yang berkualiti mengikut peredaran zaman.

## 6. Rujukan

- A. Razak Ahmad. (2011). Kepentingan Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. <http://www.flashkitech.com/?p=501> .26 April 2021  
applying information technology on efficiency of parks and green space organization: a case study. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 10(2).
- Aslamiah Aslamiah, Hapini Awang, Mohd Zailani Ismail, Farah Mohamad Zain, Marini Kasim, Ahmad Amri Zainal Adnan. (2020). *Universal journal of educational research*. Berita. BeritaHarian. Retrieved December 26, 2022, from
- Farhad Nejadirani, Reza Rasouli & Masoud Behraves. (2011). The effect of Hermes (2022). Pentingnya Adab Dan Etika Dalam Pergaulan di Media Sosial, <https://mediapermata.com.bn/terap-adab-dan-etika-semasa-penggunaan-tiktok/>  
<https://ohmymedia.cc/ms/tayang-gaya-luar-waktu-sekolah-gadis-ligat-tebar-roti-canai-di-gerai-raih-pujian>  
<https://www.beritaharian.sg/setempat/pentingnya-adab-dan-etika-dalam-pergaulan-di-media-sosial>  
<https://www.learntechlib.org/p/216454/>  
Influence of Personality Traits and User Motivation on TikTok Mobile Video Usage -
- Kefli, N. (2022). *Tayang Gaya Luar Waktu Sekolah, Gadis Cantik Ligat Tebar Roti Canai Raih Pujian*. 11–12. Retrieved December 15, 2022 from Learning & Technology Library (LearnTechLib). Retrieved December 13, 2022, from
- Miftachul Taubah, & Muhammad Nur Hadi. (2020). Aplikasi Tik Tok Sebagai Media Pembelajaran Maharah Kalam. *Jurnal Mu'allim*, 2(1), 57–65. <https://doi.org/10.35891/muallim.v2i1.2201>
- Montag, C., Yang, H., & Elhai, J. D. (2021). On the Psychology of TikTok Use: A First Glimpse From Empirical Findings. *Frontiers in Public Health*, 9, 641673. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.641673>
- Nurdiyana, R. (2022). *Terap Adab Dan Etika semasa Penggunaan Tiktok " media*
- Omar, B., & Dequan, W. (2022). Watch, share or create: The influence of personality traits and user motivation on TikTok mobile video usage. Watch, Share or Create: The permata online. *Terap adab dan etika semasa penggunaan Tiktok*. Media Permata
- Shuyi Bian. (2021). *Advances in Social Science, Education and Humanities Research/Advances in social science, education and humanities research*.
- Sugiyono. (2013). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: Alfabeta